



# **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM MRSM TUN GHAZALI SHAFIE**



## **PROGRAM HOMEROOM**

Pembelajaran merupakan pengalaman yang menyenangkan jika para pelajar adalah individu-individu yang bersenang hati serta telah menyesuaikan diri dengan baik. Di dalam keadaan begini, bilik-bilik darjah merupakan makmal-makmal sebenar di mana para pelajar merancang dan belajar. Belajar bersama-sama yang dilakukan oleh anak-anak muda ini boleh menjadi satu keseronokan dan mewujudkan satu keadaan yang memberangsangkan seterusnya meningkatkan usahanya untuk terus berusaha mencapai tujuan mereka. Ini boleh direalisasikan jika para pelajar lebih memahami diri mereka sendiri. Salah satu cara berkesan untuk mendapatkan kefahaman ini ialah melalui penggunaan waktu Homeroom.

### **APAKAH DIA HOMEROOM?**

Homeroom ialah satu subdivisi pendidikan sekolah yang penting di dalam sebuah corak pentadbiran yang diselaraskan dengan baik. Ia merupakan satu unit yang terdiri daripada sekumpulan pelajar di bawah seorang guru penasihat di mana mereka terikat dengan hubungan persahabatan dan kefahaman. Ia melalui aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mengembangkan keperibadian setiap ahli serta meningkatkan hubungan sosialnya dengan rakan sebayanya.

Homeroom merupakan satu tempat yang sesuai untuk membincangkan masalah-masalah sekolah, rumah dan hidup. Perkembangannya pula tidak terhad kepada keempat-empat dinding bilik darjah itu tetapi merentasi apa jua pun situasi yang mungkin digemari ahli itu. Di sini, setiap pelajar dikenali secara rapat sebagai seorang manusia kerana perkara pokok unit ini ialah mengenai ahli-ahlinya yang merupakan seorang individu dari segi perkembangan peribadi dan sebagai ahli di dalam kelas dari segi perhubungan diantara satu dengan yang lain serta dengan masyarakat secara umumnya.

Suasana informal dan permisif yang ditimbulkan oleh perhubungan yang menyenangkan di antara penasihat dan ahli semasa mesyuarat Homeroom memberikan para pelajar perasaan bebas daripada ketegangan yang mungkin mereka alami semasa bergerak dari satu waktu subjek ke subjek yang lain. Pertalian di antara ahli-ahli dengan penasihat mereka, yang juga guru mereka, memberi peluang untuk mereka saling kenal mengenali serta faham memahami di antara satu dengan yang lain. Dengan kefahaman yang wujud di antara mereka, sikap berpura-puraan dihiris dan perhubungan pelajar-guru menjadi lebih rapat seperti mana hubungan sesebuah keluarga. Hasilnya, penasihat menjadi seakan-akan ayah atau ibu; manakala ahli-ahlinya pula seakan-akan adik-beradik di dalam keluarganya.



## **APAKAH FUNGSI HOMEROOM?**

Para pendidik kebanyakannya berpendapat bahawa fungsi-fungsi Homeroom adalah seperti berikut:

1. Untuk mendapatkan maklumat tentang setiap pelajar.

Maklumat-maklumat penting yang dikumpulkan melalui autobiografi-autobiografi rekod-rekod anekdot (anecdote), skala-skala pemeringkatan personality, senarai semak – senarai semak masalah, sosiogram-sosiogram, temuduga-temuduga, keputusan ujian psaiologi dan akhir sekali, pertemuan dengan ibubapa serta bekas guru-guru dapat memberikan data yang mungkin dapat memberikan gambaran sebenar seseorang pelajar.

2. Untuk mendapatkan maklumat tentang setiap pelajar.

Setelah penasihat mendapatkan maklumat yang cukup tentang setiap pelajar, langkah seterusnya ialah untuk beliau membantu pelajar mengenali diri mereka sendiri, segala sifat-sifat yang sama-sama membentuk potensinya dan juga batas keupayaannya ataupun perkara kecil di dalamnya yang menjadi penghalang kemajuannya. Pelajar perlu memahami juga keadaan sekelilingnya, kerana seseorang individu, dimana dia berada pada masa-masa yang berlainan dan bagaimana keadaan hubungan-hubungannya di rumah, sekolah dan masyarakat. Dengan fahaman yang sebegitu, pelajar boleh dipandu untuk menyelesaikan masalah-masalahnya sendiri dan membuat penyesuaian yang akan membawanya kearah pencapaian potensinya yang maksima untuk kebahagiaannya sendiri dan untuk kebajikan masyarakat.

1. Untuk memupuk prinsip-prinsip dan tabiat kewarganegaraan yang baik.

Negara kita mengharapkan agar sekolah dapat melanjutkan usaha-usaha menjaga kepentingannya melalui perkembangan para pelajar. Waktu Homeroom yang diadakan sekali seminggu menawarkan peluang untuk aktiviti-aktiviti sesuai dan mencabar yang akan membina peribadi serta hubungan kemanusiaan anak-anak muda ini.

2. Untuk menangani dengan cekap berbagai-bagai aktiviti pentadbiran yang rutin.

Memandangkan unit ini merupakan unit pentadbiran, program Homeroom hendaklah mempunyai fungsi-fungsi pentadbiran yang tertentu. Dari masa ke semasa peraturan sekolah yang baru akan digubal dan pengumuman maklumat perlu disebarkan. Semua iniboleh dilakukan jika tanggungjawab diberi kepada pegawai serta ahli-ahli oragnisasi Homeroom.

3. Untuk sentiasa membuat susulan ke atas pertumbuhan setiap pelajar di dalam semua lapangan perkembangannya hingga ke akhirnya agar beliau dapat membentuk sikap yang baik terhadap dirinya, terhadap masyarakat di mana dia berada dan terhadap dunia pada keseluruhannya.



## **APAKAH DIA KOMITI AKTIVITI HOMEROOM?**

Dengan bertujuan untuk mencapai kesemua fungsi-fungsi yang tersebut di atas, sebuah Komiti Aktiviti Homeroom akan dibentuk dan akan terdiri daripada wakil-wakil penasihat Homeroom untuk setiap peringkat umur dan juga Kaunselor. Komiti ini akan merangka program Homeroom yang bersepadu dengan menekankan kesesuaiannya bagi setiap peringkat umur dan perlu dirancang setahun awal untuk pengagihan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta tajuk-tajuk yang akan dibincang, tertakluk kepada persetujuan Pengetua. Pengetua komiti ini hendaklah terdiri daripada Majlis Pelajar.

Salah satu daripada tugas-tugas komiti ini adalah untuk memupuk sikap yang positif terhadap Homeroom di kalangan guru, pelajar dan ibubapa jika boleh. Apabila ini telah tercapai, tujuan seterusnya adalah untuk mendidik para pelajar mengenai objektif-objektif Homeroom serta skop fungsi-fungsi dan aktiviti-aktivitinya. Ini boleh dilakukan semasa kelas Homeroom itu sendiri.

Komiti Aktiviti Homeroom akan menjadi sumber idea-idea untuk bahan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di dalam Homeroom.

Akhirnya, adakah menjadi tugas komiti untuk menilai aktiviti-aktiviti, kaedah-kaedah, bahan-bahan dan hasil kelas-kelas Homeroom. Waktu Homeroom merupakan waktu pembelajaran, jadi program perlu berteraskan pendidikan seberapa boleh. Dengan itu, satu program penilaian ke atas aspek-aspek Homeroom yang berlainan perlu dibentuk dengan nilai tahap pencapaiannya didasarkan kepada objektif-objektif Homeroom. Unit pengukuran akan dipersetujui oleh ahli-ahli komiti dan berasaskan kepada kriteria-kriteria ini, komiti boleh mengiktiraf Homeroom-Homeroom yang luar biasa prestasinya kerana program-program telah dijalankan selama setahun.

## **APAKAH PERANAN PENASIHAT HOMEROOM?**

Homeroom merupakan kediaman dan keluarga kecil di dalam sekolah. Ia adalah satu tempat kecil di mana keramahan berleluasa, perasaan adik-beradik di antara lelaki dan perempuan diterima dan ciri-ciri tidak formal ketara sekali. Seperti kediaman yang sebenar, perasaan kasih sayang akan berpanjangan, hormat kepada ibubapa serta di antara satu dengan yang lain perlu wujud dan perasaan bebas untuk melakukan perkara-perkara yang baik dan munasabah akan dirasai. Para pelajar mahupun lelaki atau perempuan akan merasa bebas untuk melakukan serta menyatakan perkara-perkara berpatutan yang ada kaitan dengan kebajikan kebanyakan daripada mereka dan juga merasa bebas daripada belunggu yang dirasai yang mungkin terkumpul akibat daripada kerja-kerja rumah yang rumit dan hubungan social di antara mereka dengan sebahagian guru-guru subjek berasingan. Di sinilah tempat mereka akan menyedari bahawa anak-anak muda yang lain itu mempunyai masalah peribadi ataupun social ataupun kebimbangan yang serupa dengan mereka. Di waktu Homeroomlah pelajar akan mempelajari bahawa jalan penyelesaian dapat ditemui secara tidak langsung ataupun penyesuaian diri boleh dibuat tanpa mengakibatkan atau memalukan atau memisahkan sesiapa. Ke arah tujuan inilah program Homeroom perlu dikendalikan dan aktiviti-aktivitinya digubalkan agar satu keadaan yang menyenangkan serta penuh dengan kebaikan dapat dibentuk dan diteruskan. Hanya dengan cara inilah, hubungan diantara pelajar dengan penasihat, pelajar dengan pelajar dan antara Homeroom akan menjadi mesra dan seakan keluarga.



Penasihat Homeroom yang berperanan untuk menstrukturkan satu situasi yang dapat menyokong perkembangan hubungan yang sah dan sihat di dalam Homeroom mempunyai banyak tanggungjawab di mana apabila dijalankan dengan baik akan membawa kepada kejayaan mencapai matlamat yang utama.

Tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:

1. Mendidik ahli-ahli Homeroom merupakan matlamat dan objektif utama rancangan Homeroom.

Penasihat Homeroom yang telah melalui proses orientasi mengenai tujuan, fungsi, kaedah dan bahan Homeroom akan berusaha sedaya upaya untuk membentuk sikap yang positif di kalangan ahli-ahli terhadap Homeroom dengan cara meningkatkan kefahaman mereka terhadap tujuan-tujuan serta manfaat-manfaat yang boleh diperolehi darinya. Bercakap mengenainya dengan cara informal sepertimana seorang ayah atau ibu bercakap dengan anak-anaknya, memberitahu mereka apa yang seharusnya diharapkan dan apa yang tidak harus diharapkan.

- i. Para pelajar perlu memahami bahawa waktu Homeroom bukanlah seperti waktu subjek-subjek mereka yang lain di mana mereka perlu membuat persediaan untuk pelajaran, tugas-tugas yang perlu dibuat di rumah serta gred yang akan diterima pada akhir semester. Homeroom adalah sesuatu yang berlainan sama sekali. Ia menjadi waktu kepunyaan pelajar dan menjadi giliran mereka untuk mengendalikannya, bukan guru. Mereka boleh memilih aktiviti yang akan dijalankan berdasarkan rangka cadangan-cadangan yang disediakan oleh pihak Komiti Aktiviti Homeroom. Homeroom itu akan menjadi organisasi mereka sendiri dan tanggungjawab mereka ialah untuk menjayakannya.
- ii. Penasihat Homeroom akan hadir sekali bukan untuk menegur kesilapan pelajar tetapi untuk membantu dan kemudian dibantu. Setipa orang boleh belajar dan mengajar di antara satu dengan yang lain. Ia akan menjadi seperti di rumah di mana ibubapa dan anak-anak berkerjasama untuk kebahagiaan keluarga secara keseluruhannya. Organisasi Homeroom bersandar ke atas perpaduan keluarga di sekolah-sekolah.

2. Membantu di dalam pembentukan sebuah organisasi yang berfungsi dengan baik.

Pada peringkat permulaan, setelah penasihat memperkenalkan objektif-objektif dan tujuan-tujuan Homeroom kepada para pelajar, mereka boleh disertai tentang kepentingan membentuk satu organisasi yang akan berfungsi di dalam cara yang dapat membantu mereka capai objektif yang telah ditetapkan. Mereka, sebagai ahli-ahli adalah bertanggungjawab untuk memilih jawatankuasa-jawatankuasa dan ketua-ketua organisasi: yang terbaik antara mereka dari segi kepimpinan, inisiatif, dan kerajinan. Mereka akan mengenalpasti sifat-sifat yang diperlukan dibuat oleh anak-anak muda itu. Banyak perkara yang boleh dibuat oleh pemimpin-pemimpin muda ini jika mereka yakin terhadap diri mereka sendiri dan jika mereka mendapat sokongan moral daripada penasihat mereka.



3. Membimbing AJK-AJK dan ahli-ahli di dalam pengendalian aktiviti-aktiviti dan program program yang berlainan di dalam Homeroom.

Penasihat Homeroom perlu membuat AJK-AJK dan ahli-ahli sedar tentang kepentingan persediaan terliiti yang perlu dibuat sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program Homeroom. Sehubungan itu, beliau perlu menyediakan sesi orientasi mengenai berbagai-bagai fasa yang berkaitan dengan persediaan program untuk mereka.

Penjadualan adalah satu perkara yang penting dan perlu. Ia bukanlah tugas sebenar ataupun di antara fungsi-fungsi ahli Homeroom, kerana penjadualan sudahpun dirangkakan oleh Komite Aktiviti Homeroom setahun awal untuk memungkinkan penambahan bahan-bahan yang baik dan sesuai apabila ia muncul pada masa-masa yang tidak diduga, tapi cukup tegas untuk mengelakkan rancangan-rancangan mengejut dan terkejar-kejar.

Tiga jenis bahan-bahan program Homeroom yang dijadualkan untuk penekanan yang seimbang adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti Bermusim

Bahan-bahan jenis ini merujuk kepada peringatan kepada acara-acara penting atau musim, seperti Hari Kebangsaan, Hari Kanak-Kanak, Hari Angkatan Tentera, Hari Buruh, Hari Wanita, Hari Guru dan sebagainya.

- ii. Aktiviti Bimbingan.

Jenis ini pula merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk membantu pelajar mengenali diri mereka dan juga persekitaran mereka hingga mencapai tahap kesedaran yang tinggi mengenai perkembangan peribadi, akademik dan sosial mereka. Ini juga meliputi program-program kemasyarakatan.

- iii. Aktiviti Bebas.

Aktiviti-aktiviti jenis ini memberi peluang kepada tiap-tiap Homeroom untuk membentuk program-programnya sendiri berdasarkan kepada objektif-objektif Homeroom. Ahli-ahli membuat keputusan mengenai apa yang ingin dilakukan pada hari-hari berkenaan dan mereka mengendalikan rancangan mereka secara berdikari. Mereka boleh memilih, misalnya, untuk menjemput seseorang yang berkemahiran atau berpengetahuan untuk memberikan ceramah mengenai topik-topik tertentu; untuk mengadakan jamuan; untuk mengambil tahu dan mencuba peradaban sosial dan sebagainya.



## **PRINSIP-PRINSIP ORGANISASI PROGRAM HOMEROOM**

1. Pengalaman pembelajaran disusun menurut topik dan menurut psikologi. Aktiviti-aktiviti dijadualkan secara tertentu agar kemajuannya adalah selaras dengan penyesuaian pelajar terhadap alam persekolahan mereka dan corak organisasi adalah untuk semua peringkat pelajar MRSM.
2. Penempatan waktu Homeroom di dalam jadual waktu harian adalah bebas, bergantung kepada kesukaan guru-guru Homeroom dan ahli-ahlinya. Ia boleh dijadualkan dalam waktu pertama sebelah pagi ataupun petang. Ia boleh juga diletak di waktu terakhir petang. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa setiap Homeroom akan berjumpa pada waktu yang sama, perlu seminggu. Ini menunjukkan fungsi perjumpaan Homeroom.
3. berdasarkan kepada prinsip merancang dan memilih pengalaman pembelajaran, pelajar harus diberi peluang mengalami perlakuan yang terdapat di dalam objektif dan pengalaman itu hendaklah yang menyeronokkan kepada pelajar. Pendekatan Homeroom dipandukan kearah kepentingan pelajar. Ia distrukturkan untuk memungkinkan pelajar belajar melalui pengalaman. Dalam keadaan di mana pelajar tidak dapat mengalaminya, pelajar diberi situasi-situasi imaginasi untuk menyelesaikan masalah melalui perbincangan bebas. Tujuannya ialah untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah kehidupan, daripada yang memerlukan penyesuaian hidup yang mudah kepada situasi yang lebih rumit.
4. Melalui semua pengalaman pembelajaran, elemen yang penting ialah tujuan arah sendiri serta penyesuaian hidup. Penasihat Homeroom hanya berada di latar belakang untuk memberi sokongan moral dan bimbingan. Aktiviti-aktiviti mungkin diperkenalkan oleh penasihat, tetapi pengendalian sebenar dibuat oleh pelajar hingga ke tahap pelajar dapat membentuk falsafah hidup yang teguh – barulah objektif utama program Homeroom telah tercapai. Sebahagian daripada aktiviti-aktiviti itu boleh diterap daripada sumber-sumber kehidupan masyarakat, lalu mengaitkan bahan-bahan kepada keperluan kehidupan sebenar.
5. Memandangkan kandungan subjek Homeroom tidak hanya melibatkan perolehan ilmu tetapi juga perubahan dalam tingkah laku; penilaian ke atas kemajuan boleh didasarkan kepada kriteria-kriteria luaran seperti pemerhatian terhadap tingkah laku yang menonjol dan penggunaan alat-alat ukuran psikologi; bukan ujian-ujian fakta. Perubahan kelakuan adalah sebahagian daripada proses pertumbuhan yang sepatutnya berterusan di dalam kehidupan.

**Sila lihat Lampiran 1 dan 2 (Cadangan Aktiviti Homeroom)**



## **CADANGAN AKTIVITI HOMEROOM**

### **1. Memperkenalkan Diri**

Semasa perjumpaan sulung sesuatu Homeroom di mana para ahli tidak kenal sesama mereka, penasihat hendaklah meminta agar setiap ahli memperkenalkan diri mereka masing-masing. Aktiviti hari pertama yang boleh dijalankan walaupun para ahli sudahpun mengenali sesama mereka ialah seperti berikut:

Beritahu pelajar bahawa mereka perlu berpasangan, setiap orang memilih pasangannya. Guru boleh menerangkan bahawa setiap pelajar perlu menemuduga pasangannya mengenai pencapaiannya, kegemarannya, hobinya dan sebagainya. Soalan-soalan boleh dikemukakan oleh ahli-ahli yang lain setelah pengenalan dibuat.

### **2. Menulis Autobiografi atau Diari**

Para pelajar boleh diminta untuk menulis auto-biografinya ataupun diari yang dapat memberi gambaran mengenai kehidupan mereka mengikut panduan rangka yang ditulis di papan. Mereka harus diingati bahawa yang penting ialah untuk mereka meluahkan apa yang mereka ingin nyatakan tentang apa yang ditanya.

### **3. Sesi “Buzz”**

Sesi “buzz” boleh digunakan sekali sekala untuk mempelbagaikan teknik di dalam Homeroom. Terutama sekali apabila tajuk untuk hari itu melibatkan satu masalah yang memerlukan reaksi serta penyertaan semua atau sebahagian besar ahli Homeroom. Ahli-ahli Homeroom dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada 4 atau 5 orang pelajar. Masalah yang sama boleh diutarakan kepada semua kumpulan, tetapi boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Setiap kumpulan diberi 1 atau 2 peringkat sesuatu masalah untuk dibincangkan semasa mereka, dengan salah seorang dilantik sebagai pencatat kumpulan yang mencatat berbagai-bagai reaksi, cadangan dan syro. Apabila sesebuah kumpulan itu kecil, anak-anak muda yang malu akan digalakkan untuk menyuarakan pendapat mereka dan ini tidak mungkin dapat dilakukan di dalam kumpulan yang besar. Mereka diberi masa lebih kurang 20 atau 25 minit untuk berbincang sesama mereka. Kemudian mereka berpecah semula ke kumpulan besar yang asal. Di sini, pencatat atau wakil setiap kumpulan diminta memberi laporan pertimbangan mereka. Dengan ini, pendapat semua ahli diperolehi melalui teknik “buzz” ini.





#### **4. Permainan Watak / Role Playing (Sosiodrama atau Psaikodrama)**

Permainan watak merupakan sebahagian daripada persembahan drama mengenai sesuatu masalah perhubungan manusia di mana para peserta tidak diberitahu lebih awal. Latihan situasi tidak diadakan. Satu masalah yang sering berlaku ditimbulkan semasa sesi Homeroom. Penasihat boleh cadangkan agar sesetengah ahli memainkan peranan sebagai individu-individu yang terlibat di dalam setuasi permasalahan itu. Tugas permainan watak yang diberi secara mengejut ini akan membuat peserta meluahkan isihatinya mengenai situasi itu. Setelah tamat lakonan, penasihat atau AJK yang berpengetahuan akan ambil alih pengendalian perjumpaan dengan mengadakan perbincangan mengenai setiap peringkat masalah yang ditunjukkan oleh peserta di dalam lakonan tadi. Ada kemungkinan bahawa permainan watak mempunyai nilai-nilai terapeutik kepada sesetengah peserta.

#### **5. Sesi Kesenian**

Untuk aktiviti ini, seorang guru seni boleh dijemput sebagai sumber pemaklumat. Dia bercakap tentang pernyataan idea secara bebas melalui seni, keperluan untuk berbuat demikian sekali sekala dan kepentingan kreativiti melalui seni. Beliau boleh memberi gambaran idea-idea yang menekankan kesimpulan bahawa menuruti standard lama tidak selalu diinginkan. Penekanan harus diberi terhadap daya cipta original serta pernyataan perasaan dan idea. Kemudian para pelajar diberi peluang melukis. Pernyataan-pernyataan seni itu akan diteliti oleh penasihat, kerana ia secara langsung ataupun tidak, mendedahkan sifat-sifat peribadi tiap-tiap anak muda itu.

#### **6. Projek**

Sesebuah kumpulan Homeroom boleh memutuskan sesuatu projek seperti mencantikkan satu bahagian kecil kawasan rumput sekolah. Selama satu waktu mereka hendaklah berbincang mengenai rancangan mereka, seperti menyediakan tanah bahagian itu dengan menyebarkan batu-batu kecil atasnya, membawa pokok-pokok bougainvillea, ros atau paku pakis, mengecat kesemua pasu-pasu bunga mereka dengan satu warna dan menyediakan tempat-tempat yang diberi untuk pokok-pokok pasu mereka. Di mana yang lain pula mereka boleh melakukan apa yang boleh seperti yang telah dirancang. Mereka ke bahagian kecil itu dan bekerja seperti yang telah dirancang bersama penasihat mereka, sebagaimana seorang ayah atau ibu bekerja bersama anak-anak di rumah. Waktu-waktu lain selepas itu boleh digunakan untuk menilai serta memperbaiki apa yang telah dibuat. Merancang dan menjalankan projek seperti ini boleh mempertingkatkan keadaan sekolah dan komuniti.



## **7. Menemuduga Individu-Individu Sumber Pemaklumat**

Untuk tujuan maklumat Vokasional, sesebuah organisasi Homeroom boleh menetapkan untuk menemuduga beberapa orang dari komuniti yang boleh memberi maklumat-maklumat sahih tentang beberapa kumpulan pekerjaan. Ada orang yang mungkin tidak dapat datang ke sekolah untuk memberi maklumat / ceramah kerana jadualnya yang sibuk. Dengan itu pelajar perlu pergi kepada mereka di tempat kerjanya. Oleh kerana kesulitan, keseluruhan ahli mungkin tidak dapat berjumpa setiap orang dari mereka. Jadi kumpulan Homeroom diberi tugas untuk menemuduga seseorang sumber pemaklumat. Kemudian sepucuk surat memohon untuk bertemuduga dihantar ke beberapa orang sumber pemaklumat. Rangka soalan-soalan yang perlu ditanya disediakan bersama-sama dan tunjuk ajar mengenai cara-cara kelakuan dan tingkah laku semasa temuduga dijalankan.

Di satu lagi waktu Homeroom, ketua tiap-tiap kumpulan kecil akan melaporkan hasil temuduga mereka kepada ahli-ahli lain. Kesemua ahli akan turut serta dengan menanyakan soalan-soalan yang akan dijawab oleh ahli komiti.

## **8. Melawat Rakan yang Sakit atau Menenangkan Hati Rakan Sebilik**

Jika berlaku sesuatu yang menimbulkan keresahan terhadap salah seorang ahli, seperti sakit atau ketegangan emosi, ahli-ahli yang lain boleh memutuskan untuk melawat rakan mereka itu samada di rumahnya atau di asrama untuk memberi sokongan moral. Atau mereka boleh menghantar seorang wakil dengan sekeping nota serta buah tangan untuk mengembirakan rakan yang sakit itu. Jika surat dipersetujui maka tiap-tiap orang ahli mesti bekerjasama untuk mengarang atau menulisnya. Jika kesemua ahli hendak melawat, mereka perlu berbincang tentang kelakuan yang sesuai serta perkara-perkara yang boleh diperkatakan.

## **9. Merancang dan Menyedia Jamuan**

Homeroom boleh mengadakan jamuan sebagai satu aktiviti. Ini adalah idea yang baik kerana ia akan menyeronokkan pelajar serta akan menjadi satu situasi pembelajaran bagi mereka.

Satu waktu penuh boleh digunakan untuk merancang jamuan tersebut. Mereka boleh membincangkan mengenai pelbagai adat dan kesopanan; bagaimana untuk berkelakuan dan bercakap diantara mereka, bagaimana hendak memperkenalkan seorang lelaki kepada seorang perempuan atau kepada seorang lelaki yang lain dan sebagainya. Mereka boleh juga membentuk komiti-komiti seperti komiti program, komiti jemputan dan sebagainya. Apabila mereka memutuskan untuk membentuk beberapa komiti, penasihat mempunyai peluang yang baik untuk menggunakan teknik sosiometrik dengan membenarkan pelajar menyatakan pilihan komiti mana yang mereka ingin menyertai dan siapakah yang mereka ingin ada bersama mereka sebagai rakan sekomiti. Jawapan maka itu akan memberi peluang kepada penasihat untuk membentuk carta perhubungan sosial yang wujud di antara ahli-ahli dengan menggunakan sosiogram.



Satu lagi waktu Homeroom boleh digunakan untuk mengadakan jamuan tersebut. Ini memberi peluang kepada mereka untuk mempraktikkan idea-idea mereka tentang peradaban sosial serta kesopanan yang telah mereka bincangkan dahulu. Waktu ke tiga pula boleh digunakan untuk membuat penilaian diri mengenai jamuan itu ataupun penilaian mereka mengenai tingkah laku mereka serta hasil yang diterima daripada jamuan tersebut. Mereka mungkin akan bersetuju tentang cara bagaimana mereka boleh memperbaiki urusan-urusan sosial dan apa lagi yang akan mereka lakukan jika mereka mengadakan satu lagi jamuan pada masa depan.

#### 10. **Buku Nota Penilaian Diri**

Setiap pelajar menyimpan buku nota penilaian diri di mana pada akhir setiap hari mereka mencatatkan peristiwa kecil yang menunjukkan apakah jenis pelajar mereka ini.

Contoh :

##### **Perkara baik**

Saya memberi salam kepada guru bila berjumpa dengannya.

##### **Perkara buruk**

Saya lambat hadir ke kelas

#### 11. **Sistem Abang / Kakak Angkat**

Kelas dibahagikan kepada 2 kumpulan lelaki dan 2 kumpulan perempuan, setiap kumpulan diketuai oleh seorang pelajar yang boleh diharap (digelar Abang / Kakak Angkat). Setiap ketua menyediakan sekeping kad untuk setiap kumpulannya. Di atas kad ini beliau akan mencatat ciri-ciri baik yang diperhatikan mengenai ahli itu. Pada akhir penggal, sekeping kad merit akan diberikan kepada pelajar yang terbaik berdasarkan kad catatannya.

#### 12. **Kotak Masalah**

Setiap pelajar menulis masalahnya dan diberi kepada guru yang kemudian akan mengiranya. Masalah yang paling banyak terdapat akan ditimbulkan di dalam perjumpaan. Sehubungan itu, langkah berjaga-berjaga perlu diambil supaya nama-nama tidak dibongkar untuk mengelakkan perasaan malu.



### 13. **Penulisan Masalah**

Setiap individu menulis surat menyatakan masalah-masalah mereka dan alamatkannya samada kepada penasihat atau kaunselor. Penasihat atau kaunselor akan cuba membantu samada melalui pertemuan secara peribadi atau melalui jawapan bertulis.

### 14. **Kuiz Radio**

Seorang peserta memilih sekeping kertas dari sebuah kotak soalan yang ada tertulis sebuah kes. Dia menjawab persoalan itu di hadapan kelas. Kes-kes yang tertulis hendaklah memenuhi keperluan kelas. Berikut ialah contoh kes:

- i. Ahmad ternampak Ismail mencuri buku, pena-pena dan wang semasa kelas Pendidikan Jasmani. Ahmad memberitahu penasihatnya di kelas. Adakah Ahmad seorang pengadu atau pelajar yang baik?
- ii. Karim pergi ke sebuah kedai buku untuk membeli kertas warna untuk kelas keseniannya. Dia ternampak beberapa orang rakan kelasnya membuat bising di kedai berdekatan. Apa yang harus dia buat? Kenapa?

### 15. **Debat**

Isu-isu yang berkenaan dengan kebajikan pelajar mungkin dapat diselesaikan melalui perdebatan.

### 16. **Pantomim**

Tingkah laku yang sesuai di kawasan-kawasan awam seperti perpustakaan, kantin, kafeteria, panggung, dewan konsert, taman-taman awam dan sebagainya boleh dipamerkan melalui aksi-aksi yang betul diikuti dengan perbincangan yang bijak.

### 17. **Waktu Berkongsi dan Bercerita**

Para pelajar digalakkan membawa koleksi-koleksi hobi mereka ke kelas dan berkongsi pengalaman dengan yang lain.

### 18. **Waktu Bercerita**

Cerita-cerita yang memberi pengajaran mengenai moral atau implikasi-implikasi penting yang lain mengenai kehidupan pelajar boleh diceritakan oleh penasihat dan diikuti dengan perbincangan yang rancak.

### 19. **Persembahan Bakat**

Pelajar diminta menunjukkan bakat mereka di dalam nyanyian, membaca puisi, mendeklamasi sajak, bermain alatan musik dan kebolehan-kebolehan lain yang akan menyeronokkan kelas.



## **MENYUSUN ORGANISASI HOMEROOM**

Objektif Operasi : Pelajar membentuk ciri-ciri pemimpin yang baik serta faedah menjadi ahli-ahli yang baik.

Pepatah Lama : “Oder is heaven’s first law”  
“Good leaders make good organizations”

Penjelasan : Manusia pada semula jadinya suka berkawan, jadi pelajar-pelajar sekolah menengah ingin mengatur diri mereka kepada kumpulan-kumpulan. Demokrasi adalah berdasarkan kepada idea kepimpinan bersama (kerjasama kepimpinan), jadi adalah tanggungjawab setiap pelajar untuk memilih pemimpin-pemimpin yang berkelayakan ke dalam jawatankuasa. AJK-AJK setiap organisasi Homeroom boleh dipilih mengikut keperluan kumpulan.

**Cadangan Aktiviti :**

### **1. Membentuk Komiti Perlembagaan**

Apabila penasihat merasakan bahawa para pelajar sudah bersedia untuk memilih AJK, penyediaan perlembagaan mungkin akan ditimbulkan dalam perbincangan. Untuk tujuan ini penasihat akan menyuruh ahli-ahli membawa contoh-contoh perlembagaan organisasi-organisasi lain. Setelah contoh-contoh ini diedarkan dan diteliti bersama, perbincangan mengenai bahagian-bahagian perlembagaan yang berlainan diadakan. Selepas itu komiti perlembagaan bolehlah dilantik oleh penasihat berdasarkan cadangan-cadangan ahli-ahli yang berlainan di dalam Homeroom.

### **2. Ratifikasikan Perlembagaan**

Setelah beberapa lama, komiti perlembagaan akan melaporkan perlembagaan yang telah disediakan. Pengerusi mengambil ahli dan memulakan perbincangan. Setiap ahli digalakkan mengambil bahagian di dalam perbincangan meratifikasikan perlembagaan.

### **3. Pemilihan AJK**

Sepertimana perlembagaan telah disediakan dan diratifikasikan oleh kumpulan Homeroom, pemilihan ajk pula akan diadakan. Seorang pengerusi sementara akan ditugaskan menjadi ketua pada waktu ini. Kemudian pemilihan dibuat. Ajk yang telah dilantik akan memimpin pelajar di dalam merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti berlainan di bawah bimbingan dan arahan penasihat.

Walaupun organisasi memerlukan ajk, mereka tidaklah dilantik pada perjumpaan pertama di awal tahun akademik. Pelajar diberi peluang untuk memikir tentangnya dan untuk bersedia untuknya. Dengan itu, perjumpaan-perjumpaan awal akan dikendalikan oleh penasihat. Apabila tugas itu diambil alih oleh ajk, penasihat akan mengundur diri dan perhati daripada belakang. Walau bagaimanapun apabila ada perkara-perkara penting yang timbul sekali sekala, penasihat akan ambil alih waktu itu.



#### **4. Nama-Nama Jawatan Yang Akan Dipilih Serta Tanggungjawabnya.**

- i. Presiden : Mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat dan menguruskan semua perkara termasuk mesyuarat dengan jawatankuasa tetap.
- ii. Naib Persiden : Membantu presiden menjalan semua tugas presiden jika beliau tidak hadir. Dalam keadaan tertentu, beliau boleh menguruskan aktiviti-aktiviti sosial.
- iii. Setiausaha :
  - a. Membuat dan menyimpan minit mesyuarat serta merekod dengan terperinci perkara-perkara yang berlaku dalam Homeroom.
  - b. Bertugas sebagai penyemak kedatangan, merekod ketidakhadiran setiap hari, memastikan sebab tidak hadir dan kemudian menyerahkan laporan ke pihak berkuasa.
  - c. Mempunyai kebolehan menulis dengan baik dan melapor dengan tepat.
- iv. Bendahari :
  - a. Menyimpan semua sumbangan kewangan.
  - b. Membuat rekod yang tepat mengenai semua penerimaan sumbangan.
  - c. Jujur dan mahir dalam matematik.
- v. Pegawai Perhubungan Akhbar : Menyerahkan artikel-artikel yang menceritakan laporan kegiatan Homeroom kepada akhbar sekolah.
- vi. Wakil-Wakil : Bertindak sebagai pegawai-pegawai perhubungan di antara Homeroom dengan organisasi-organisasi lain.
- vii. Pengawas : Mengekalkan ketenteraman dan menjaga keadaan teratur kelas.
- viii. Muse”: Mendokong ideal-ideal dan moral kumpulan.

#### **5. Sifat-Sifat Kepimpinan Yang Baik.**

- i. Sahsiah yang menyenangkan.
- ii. Kebolehan eksekutif dan memimpin.
- iii. Minat terhadap aktiviti-aktiviti sekolah.
- iv. Minat terhadap kumpulan Homeroom.
- v. Boleh berkerjasama.
- vi. Boleh diajak berunding dengan lain.
- vii. Kebolehan bercakap dengan baik.
- viii. Jujur di dalam tindakan dan percakapan.
- ix. Tahap akademik yang tinggi.
- x. Rekod kedatangan yang baik.
- xi. Bersopan.
- xii. Demokratik.
- xiii. Boleh diharapkan.
- xiv. Dihormati.
- xv. Bertanggungjawab.



## **6. Peraturan Susun Atur.**

Peraturan Perlimen didasarkan kepada tiga prinsip mudah.

- i. Yang pertama ialah susunatur tetap perjalanan mesyuarat. Ini bermakna pelajar hanya boleh mempertimbangkan satu perkara sahaja dalam satu waktu dan perkara-perkara itu mesti ditimbulkan sebelum susunan biasa mesyuarat.

Susun Atur mesyuarat yang biasa adalah seperti berikut :

- a. Mesyuarat diarahkan bermula oleh jawatankuasa bertugas.
  - b. Pembacaan minit-minit mesyuarat lepas.
  - c. Urusan lama atau yang belum selesai.
  - d. Perkara berbangkit.
  - e. Penangguhan mesyuarat.
- ii. Prinsip kedua ialah berbudi bahasa dan bertimbangrasa terhadap semua. Prinsip ini memberi jaminan agar setiap ahli mendapat peluang bercakap tanpa gangguan. Budi bahasa yang sebenar akan menghalang orang lain bercakap, berbisik atau apa-apa jenis gangguan yang lain semasa seseorang itu diberi kebenaran bercakap.
  - iii. Undang-undang majoriti adalah prinsip ketiga undang-undang parlimen. Permintaan majoriti ditentukan dengan mencadangkan sesuatu perkara itu diundi dan tiap-tiap ahli berhak untuk menyuarakan pendirian mereka samada hendak menerima atau menolak usulnya sebelum undian dibuat. Apabila keputusan dicapai, ia menjadi tugas setiap ahli untuk menerimanya dan berkerjasama menjalankan rancangannya. Jika salah seorang tidak bersetuju dengan keputusan itu, dia berhak untuk mendapat sokongan usul lain dan menyerahkannya kepada ahli-ahli lain untuk dipertimbangkan.



## **PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI HOMEROOM**

### **OBJEKTIF**

- Mendedahkan satu ciri yang terdapat dalam sistem MRSM.
  - Memperkenalkan sistem Homeroom kepada guru penasihat
  - Menerangkan tugas dan peranan penasihat Homeroom
  - Membolehkan guru penasihat menjalankan tugas dengan berkesan
- 

### **1. KEFAHAMAN PERANAN GURU HOMEROOM**

#### **1.1 PERANAN UMUM**

- i. Menjaga kebajikan Pelajar
- ii. Memberi khidmat nasihat
- iii. Memberi bimbingan dalam minat dan bakat pelajar
- iv. Meluaskan pengetahuan dan proses P & P
- v. Membimbing pelajar dalam aspek kehidupan harian, perhubungan.

#### **1.2 PENTADBIRAN DAN BIMBINGAN**

- i. Menjadi perantaraan di antara pelajar dan pentadbiran
- ii. Menyampaikan masalah pelajar kepada pihak berwajib
- iii. Berbincang dengan guru subjek tentang masalah pembelajaran anak Homeroom
- iv. Memastikan pelajar mendapat kemudahan yang sewajarnya
- v. Mengawasi disiplin pelajar
- vi. Membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- vii. Memberikan khidmat nasihat, kaunseling serta bimbingan kepada ahli Homeroom.

#### **1.3 AKTIVITI**

- i. Membimbing, mengendalikan perjalanan aktiviti Homeroom.
- ii. Menentukan dan membimbing pelajar tentang matlamat aktiviti
- iii. Menjadi rujukan pelajar untuk melakukan aktiviti
- iv. Menilai keberkesanan aktiviti
- v. Bersama dan bekerjasama dalam aktiviti Homeroom yang dijalankan.
- vi. Mengikuti dan memenuhi peraturan dan prosedur untuk menjalankan aktiviti luar maktab.





#### **1.4 REKOD DAN LAPORAN**

- i. Menyediakan dan menyimpan rekod-rekod peribadi dan akademik pelajar
- ii. Menyediakan laporan tertentu (mengikut keperluan)
- iii. Menyediakan surat akaun untuk pelajar
- iv. Mengumpul dan mendapatkan data pelajar yang relevan
- v. Menyediakan laporan aktiviti Homeroom
- vi. Menolong AJK penyelar Homeroom menyediakan laporan tahunan aktiviti Homeroom

#### **1.5 AKTIVITI HARI MENERIMA ANAK HOMEROOM**

- i. Mendapatkan senarai nama anak-anak Homeroom daripada penyelar Homeroom.
- ii. Mengadakan taklimat Homeroom bersama ibu bapa pelajar.
- iii. Melayani pertanyaan ibu bapa semasa dan selepas taklimat.
- iv. Memastikan semua dokumen yang berkaitan diisi dengan lengkap dan teratur.

### **2. KEFAHAMAN KONSEP HOMEROOM**

- 2.1 Memberi taklimat kepada guru-guru baru tentang sistem Pendidikan MRSM.
- 2.2 Memberi taklimat 'konseptual' Homeroom dari aspek,
  - i. Falsafah
  - ii. Struktur Organisasi
  - iii. Kepentingan
- 2.3 Ketua Penyelar memberi taklimat mengenai objektif Homeroom dari sudut
  - i. Matlamat Keseluruhan
  - ii. Tujuan Umum
  - iii. Tujuan khas
- 2.4 Memberi kefahaman konsep dan objektif aktiviti Homeroom.
- 2.5 Memberi kefahaman tentang fungsi Homeroom
  - i. Sebagai satu unit kekeluargaan
  - ii. Mengesan dan membantu menyelesaikan masalah pelajar
  - iii. Membentuk sikap pelajar
  - iv. Membentuk personaliti pelajar
  - v. Mengembangkan minat dan bakat pelajar
  - vi. Menjaga kebajikan pelajar



### **3. PEMANTAPAN HOMEROOM**

- 3.1 Guru Penasihat perlu menghadiri mesyuarat dengan AJK Penyelaras.
- 3.2 Guru Penasihat memahami pelaksanaan program mingguan Homeroom.
- 3.3 Guru Penasihat memahami strategi penyelarasan aktiviti Homeroom.
- 3.4 Guru Penasihat mendapatkan bahan/modul helaian aktiviti Homeroom dari penyelaras.
- 3.5 Guru Penasihat merancang dan mengadakan pertemuan dengan pelajar berdasarkan modul mingguan.
- 3.6 Guru Penasihat menandatangani buku laporan aktiviti Homeroom yang disediakan oleh setiausaha Homeroom.
- 3.7 Guru Penasihat memberi cadangan kepada AJK penyelaras Homeroom bagi pembaikan dan pembangunan program Homeroom.
- 3.8 Guru Penasihat memberi laporan Homeroom kepada AJK Penyelaras Homeroom.
- 3.9 Guru Penasihat meneliti komen dari AJK Penyelaras Homeroom atau Penolong Pengetua (HEP).

### **4. KEMAHIRAN PENASIHAT HOMEROOM**

- 4.1 Guru Penasihat harus mempunyai kemahiran mengendalikan perbincangan Homeroom.
- 4.2 Guru Penasihat harus mempunyai pengalaman untuk mengendalikan sesi aktiviti (Experimental activities).
- 4.3 Guru Penasihat mempunyai kemahiran tentang konsep sendiri. (The Tennessee Self Concept Scale -TSCS).
- 4.4 Guru Penasihat berkemahiran tentang pengetahuan ujian Personaliti.
- 4.5 Guru Penasihat berkemahiran tentang pengetahuan ujian Kerjaya (Self Directed Search – SDS).
- 4.6 Guru Penasihat perlu mempunyai kemahiran tentang kemahiran Berfikir Dan Kemahiran Amalan Belajar.
- 4.7 Guru Penasihat mempunyai sifat/ciri-ciri yang baik.
- 4.8 Guru Penasihat perlu mempunyai visi dan misi dalam mengendalikan Homeroom.
- 4.9 Guru Penasihat perlu mempunyai perancangan bagi menjayakan satu-satu program Homeroom.



## **PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI HOMEROOM**

1. TAKLIMAT
2. CERAMAH
3. BENGKEL
4. FORUM
5. DISKUSI
6. SIMULASI
7. LAWATAN
8. GOTONG ROYONG
9. PERMAINAN
10. MENONTON FILEM/VIDEO
11. KAJIAN
12. TEMUDUGA
13. DOKUMENTASI
14. PERBAHASAN
15. PUISI
16. SUKAN
17. JAMUAN
18. JUALAN

## **PENDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI HOMEROOM**

### **1. TAKLIMAT**

Sebelum

- i. Persediaan tajuk
- ii. Persediaan bahan
- iii. taklimat :- kertas A4 (nota, transparency, OHP markers, pembesar suara, tempat)
- iv. Melawat laman web yang berkenaan
- v. Borang penilaian

Semasa :

- i. Kelancaran taklimat
- ii. Perhatian taklimat
- iii. Perhatian pelajar
- iv. Juruteknik (jika perlu)
- v. Isi borang penilaian
- vi. Nota diedarkan

Selepas

- i. Kutip borang penilaian
- ii. Sesi soal jawab
- iii. Membuat laporan



## **2. CERAMAH**

Sebelum

- i. Persediaan tajuk
- ii. Persediaan bahan  
(nota, pen marker, komputer/lap top, OHP, transparency,skrin)
- iii. Tempat, masa, tarikh
- iv. Menjemput penceramah (surat, telefon)
- v. Cenderahati untuk penceramah

Semasa

- i. Nota diedarkan
- ii. Penglibatan pelajar
- iii. Melalui – soal – jawab
- iv. Respons/pendapat

Selepas

- i. Edar dan kutip semula borang maklum balas
- ii. Memastikan peralatan ceramah dikembalikan
- iii. Tempat dikemaskan
- iv. Membuat laporan

## **3. BENGKEL**

Sebelum :

- i. Tajuk
- i. Alatan/Bahan (Masking tape, Kertas mahjung,Marker pen, Magic pen, OHP)
- ii. Tempat
- iii. Tujuan

Semasa

- i. Persembahan kumpulan
- ii. Perhatian Perajar
- iii. Penilaian Pelajar/Guru

Selepas

- i. Mengemas Tempat
- ii. Rumusan Guru
- iii Membuat laporan



#### **4. FORUM**

Sebelum

- i. Memilih tajuk forum
- ii. Menyediakan bahan-bahan untuk forum
- iii. Memilih ahli-ahli panel yang bersesuaian
- iv. Memilih pengerusi forum
- v. Menyediakan tempat
- vi. Menyediakan peralatan
- vii. Memeriksa peralatan sama ada berfungsi atau tidak
- viii. Menyediakan hadiah

Semasa

- i. Tiba tepat pada masanya
- ii. Pastikan peralatan berfungsi
- iii. Pastikan semua yang terlibat telah bersedia
- iv. Pastikan perjalanan adalah lancar
- v. Pastikan borang pemarkahan disediakan

Selepas

- i. Pastikan borang markah diserahkan
- ii. Hakim membuat rumusan
- iii. Pemberian hadiah
- iv. Mengemas peralatan dan tempat

#### **5. DISKUSI :**

Sebelum

- i. Persediaan tajuk
- ii. Tajuk diberitahu seminggu lebih awal sebelum perjumpaan Homeroom
- iii. Melawat laman web yang berkenaan
